



## **UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

### **SURAT EDARAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2015**

---

#### **Pembayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik yang Memiliki Sijil Pos Basik Di Universiti Malaysia Terengganu**

##### **Latar Belakang**

1. Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) kepada anggota paramedik yang memiliki sijil pos basik dan berkhidmat secara sepenuh masa dalam bidang penjagaan kritikal dan klinikal.

##### **Pelaksanaan Pembayaran Insentif Pos Basik**

2. Syarat-syarat dan kadar Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) adalah seperti berikut :
  - (i) Hanya satu sahaja BIPB yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu sijil pos basik;
  - (ii) Semua anggota paramedik yang memiliki kelulusan pos basik adalah layak dibayar BIPB tanpa mengira tempat pegawai bertugas selagi pegawai menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pos basik yang dimiliki dalam menjalankan tugas;
  - (iii) Anggota paramedik yang bertugas merawat pesakit jiwa, tibi dan kusta serta memiliki sijil pos basik, hanya layak satu jenis elaun sahaja, mengikut kadar mana yang lebih tinggi;
  - (iv) Kadar bayaran BIPB adalah sebanyak RM100.00 sebulan tanpa mengikut gred;
  - (v) Senarai bidang penjagaan kritikal dan bidang pengkhususan klinikal pos basik yang diluluskan BIPB adalah tertakluk kepada pengiktirafan oleh Lembaga Pendidikan Kementerian Kesihatan Malaysia;
  - (vi) Lembaga Pendidikan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bertanggungjawab dalam menetapkan parameter penggunaan kelayakan BIPB kepada anggota paramedik yang memiliki kelulusan pos basik serta terma rujukan bagi kaedah pelaksanaan dan pembayaran BIPB; dan
  - (vii) Kursus pos basik dalam bidang penjagaan kritikal dan bidang pengkhususan klinikal yang dilaksanakan oleh IPTA atau Hospital Universiti perlulah setara dengan kursus pos basik yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Anggota paramedik seperti di perenggan 2 di atas layak dibayar BIPB **kecuali** dalam keadaan berikut :
- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
  - (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
  - (iii) Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (iv) Tempoh Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (v) Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - (vi) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau
  - (vii) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.
4. Dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar, termasuk keadaan-keadaan di perenggan 3 di atas, pembayaran hendaklah dibuat secara pro-rata (*proportionate*) seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan hari menjalankan tugas}}{\text{Bilangan hari dalam bulan berkenaan}} \times \text{Kadar Sebulan}$$

5. Senarai bidang penjagaan kritikal dan bidang pengkhususan klinikal pos basik yang diluluskan BIPB boleh diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Penilaian kursus pos basik bagi tujuan kelayakan pemberian BIPB perlu dikemukakan untuk **pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pendidikan Kementerian Kesihatan Malaysia.**

### **Tarikh Kuat Kuasa**

6. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015.